

Hasil perikanan segar, murah

S/H 30/11/2019 m/s 15

FOTO: ZAHID IZZANI

Nekmat promosi perniagaan atas talian di HPPNK 2019

ASMALIZA MANSOR

JOHOR BHARU

Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) terus mempromosikan jualan atas taliannya pada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 yang menunjukkan perkembangan positif dan mendapat sambutan menggalakkan.

Pengerusinya, Abdul Hamid Bahari berkata, pengguna kini lebih gemar membeli barang secara atas talian dan sambutan terhadap platform jualan atas talian *nekmatbiz.com.my* yang diperkenalkan pada Julai tahun ini begitu menggalakkan.

Menurutnya, pihaknya membeli ikan segar daripada nelayan yang terus dihantar ke tempat simpanan sebelum dibekalkan kepada pengguna.

"Pengguna minta apa sahaja ikan dan kita akan membekalkannya kepada mereka. Selain itu, kita tonjolkan juga tanggungjawab kita kepada masyarakat nelayan dan peranan yang dimainkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui di reruai Nekmat sempena HPPNK 2019 yang berlangsung di Angsana Johor Bahru Mall di sini sehingga Ahad ini.

Abdul Hamid berkata, hasil perikanan yang dipasarkan Nekmat segar

dan harganya amat berpatutan.

Menurutnya, pihaknya membekalkan produk ikan sejuk beku jenama QFish yang mendapat permintaan tinggi khususnya daripada pengusaha restoran.

"Rakyat Malaysia semakin gemar menggunakan produk sejuk beku ini dan kita berharap sambutan ini akan berterusan kerana ikan ada pada masa tertentu sahaja.

"Jadi kita perlu membuat simpanan stok sebagai *food security* untuk memastikan bekalan ikan mencukupi pada musim-musim tertentu seperti tengkujuh, berlaku bencana alam dan sebagainya," katanya.

Aplikasi teknologi baharu

Abdul Hamid berkata, Nekmat ingin membawa satu perubahan dan HPPNK yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjadi platform menonjolkan kebaikan yang dilakukan untuk nelayan di negara ini.

"Kita mempunyai bot laut dalam, yang mana ikan-ikan segar ini dinaikkan di Perlis atau di tempat-tempat yang kita memasarkannya sendiri dan sambutan diperolehi begitu menggalakkan sehingga tidak mencukupi.

"Hasrat kita juga dengan modal sendiri dan memohon sedikit dana daripada



Pengunjung HPPNK 2019 membeli ikan bilis yang dibawa dari Terengganu.

kerajaan untuk meneruskan kesinambungan ini. Nekmat akan memainkan peranan penting untuk kestabilan harga ikan," katanya.

Beliau berkata, Nekmat sentiasa mencari rezeki tambahan untuk me-

Hasil perikanan yang dipasarkan Nekmat segar dan harganya amat berpatutan." - Abdul Hamid



Pengunjung mendapatkan maklumat mengenai sektor perikanan di reruai Nekmat sempena HPPNK 2019.

namakan pendapatan untuk kepentingan ahlinya.

Katanya, Nekmat, LKIM dan Jabatan Perikanan ingin memastikan teknologi baharu akan memberikan keberkesanan kepada nelayan-nelayan apabila diaplikasikan.

Abdul Hamid berkata, Nekmat menandatangani perjanjian dan bekerjasama dengan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) bagi mewujudkan usaha sama dengan *remote sensing* untuk mengenal pasti kedudukan ikan.

"Masa dan tenaga dapat diijamatkan. Teknologi tangkapan ikan perlu merubah sektor ini supaya lebih efisien, hebat dan canggih," katanya.

Tarik minat belia jadi nelayan

NEKMAT berusaha menarik minat belia untuk menjadi nelayan yang boleh meningkatkan pendapatan nelayan.

Justeru katanya, pihaknya dan MOA merancang untuk memastikan belia beminat dan menyertai kursus-kursus disediakan antaranya kepakaran menangkap ikan dan membaiki enjin.

"Kita juga mewujudkan institut pengajian berkaitan sektor perikanan

untuk melahirkan generasi muda yang lebih efisien.

Dalam pada itu beliau berkata, nelayan perlu merubah kehidupan dan menguatkan jati dirinya selain mengubah mentaliti serta cara pemikiran.

"Tidak kira nelayan kecil atau besar, perlu ada sikap bertanggungjawab dalam memastikan khazanah negara seperti ikan dipelihara," katanya.

Abdul Hamid menunjukkan produk ikan sejuk beku yang dipasarkan oleh Nekmat.

